

SIARAN MEDIA

KAFE “INSPIRED KITCHEN” PERKASA PELAJAR DAN KOMUNITI SETEMPAT GOLONGAN ASNAF, B40

Selayang, 4 Oktober 2023 – Tapak Niaga Kafe “*Inspired Kitchen*” hasil program “Expanding Inspired Kitchen” (PEIK) Kolej Komuniti Selayang (KKSy) dengan kerjasama Maybank Islamic Berhad yang berfokuskan pembangunan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan bidang keusahawanan dalam industri makanan dan minuman (F&B) kepada pelajar dan komuniti setempat golongan asnaf, B40 telah dirasmikan oleh YBhg. Dato’ Mohamed Rafique Merican, Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic Berhad hari ini.

“*Inspired Kitchen*” sebelum ini ditubuhkan sebagai kafe istimewa buat golongan Orang Kurang Upaya (OKU) Sijil Asas Kulinari KKSy untuk mengurus dan menjalankan perniagaan. Namun, dengan kerjasama Maybank Islamic Berhad, restoran ini ditambah baik bagi menyediakan ruang perniagaan dan membuka peluang kepada golongan asnaf dan B40 untuk meningkatkan kemahiran diri, taraf hidup serta ekonomi mereka.

Program “Expanding Inspired Kitchen” (PEIK) yang menerima tajaan berjumlah RM500,0000 daripada Maybank Islamic Berhad ini telah bermula pada penghujung tahun 2022 menyediakan 30 kursus bidang kemahiran TVET dan keusahawanan kepada 50 peserta dalam kalangan pelajar dan komuniti asnaf, B40 pada setiap hujung minggu. Setelah kursus kemahiran yang berjalan selama enam (6) bulan tamat, para peserta didedahkan dengan sesi Simulasi Perniagaan bertujuan melahirkan usahawan yang menjana ekonomi, membina kemahiran peserta dalam mengendalikan perniagaan makanan dan minuman serta peluang meningkatkan kehidupan keluarga dan keluar daripada kemiskinan dan kesusahan.

Selain daripada kursus yang disediakan, sebuah struktur bangunan baharu iaitu tapak niaga yang berkelengkapan penuh turut dibina sebagai ruang bagi peserta memulakan perniagaan restoran dengan jenama yang tersedia, Inspired Kitchen berdasarkan latihan kemahiran TVET dan keusahawanan yang telah diterapkan sepanjang tahun.

Satu-satunya peserta Orang Kurang Upaya (OKU) PEIK, Mohd Khaidir Mohd Khalil, 22, berkata peluang yang diberikan oleh KKSYP dan Maybank Islamic Berhad kepada para pelajar untuk menyertai program ini adalah peluang seumur hidup yang sukar untuk dilepaskan.

“Kemahiran memasak yang dipelajari daripada cef-cef berpengalaman dan berkemahiran luas adalah peluang keemasan kepada saya untuk menyertai program ini. Sebelum ini, saya hanya mengetahui asas-asas dalam dunia masakan namun setelah menjalani kursus kemahiran ini, ilmu dan kemahiran saya bertambah baik malah saya didedahkan dengan pelbagai teknik-teknik dalam dunia kulinari dan juga perniagaan,” tambahnya.

“Pelajar OKU seperti saya sentiasa terlepas daripada menyertai program seperti ini yang lebih berfokuskan kepada pelajar arus perdana. Namun, saya tidak berputus asa dan tetap komited menyertainya setiap hujung minggu meskipun tidak pulang ke kampung. Saya ingin membuktikan bahawa golongan OKU tetap berpeluang untuk melangkah tinggi dan menjalankan perniagaan sama seperti golongan biasa,” katanya lagi.

Peserta komuniti, Nur Amierull Ridzwan bin Noor Shah, 30, sewaktu ditemui berkata, program seperti ini amat diperlukan untuk membantu asnaf dan golongan B40 lebih-lebih lagi di kawasan Lembah Klang. Peluang yang disediakan ini adalah secara menyeluruh bermula dengan sesi kursus kemahiran, kursus keusahawanan dan platform perniagaan untuk peserta.

“Pada mulanya, tujuan saya menyertai program ini adalah disebabkan kursus membuat pesahaja. Namun, setelah melihat pelbagai program yang disediakan KKSYP dengan percuma, rugi sekiranya saya tidak teruskan kursus ini. Para peserta hanya perlu hadir sewaktu kursus yang dijalankan pada setiap hujung minggu dan tidak perlu mengeluarkan sebarang kos untuk menimba ilmu dan kemahiran mengendalikan perniagaan makanan dan minuman.”

“Saya pasti, setiap individu yang ingin memulakan perniagaan, pasti modal yang dikeluarkan mencecah puluhan ribu atau ratusan ribu, namun di sini, kami diberi tunjuk ajar dari mula sehingga perniagaan berjalan tanpa sebarang modal perniagaan”, tambahnya lagi.

Ridzwan juga berkata semua ruang perniagaan restoran yang lengkap telah disediakan oleh KKSYP dan Maybank Islamic Berhad, dan para peserta hanya perlu mengusahakannya dalam meningkatkan kualiti kehidupan dan kemudiannya memberi peluang pekerjaan kepada komuniti di luar sana.

PEIK dikelola oleh Unit Keusahawanan Kolej Komuniti Selayang dengan usaha sama pelbagai unit di KKSYP dan pelaksanaan program ini mensasarkan pembentukan modal insan, peluang membangunkan perniagaan makanan dan minuman seiring dengan permintaan semasa dan usaha mengeluarkan diri daripada golongan asnaf dan B40.

Perasmian Tapak Niaga PEIK ini menyaksikan kemudahan ruang perniagaan Inspired Kitchen di Kolej Komuniti Selayang yang berkeluasan **1500 kaki persegi** dan mampu memuatkan **50 pelanggan** dalam satu masa kepada peserta PEIK mengendalikan perniagaan setelah hampir setahun berkursus dan simulasi yang telah dijalankan. Pelbagai menu makanan gabungan (fusion) mengikut cita rasa tempatan dengan harga yang berpatutan disediakan dan restoran ini dibuka kepada umum.

Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, YBrs. Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail, Ahli Jawatankuasa Syariah Maybank Islamic Berhad, pengurusan tertinggi dan para pegawai dari JPPKK, KKSYP dan Maybank Islamic Berhad.

-TAMAT-

**KOLEJ KOMUNITI SELAYANG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

4 OKTOBER 2023

Dikeluarkan oleh: Unit Komunikasi dan Hubungan Korporat, Kolej Komuniti Selayang
Tel: 03- 6136 8200

LAMPIRAN GAMBAR



KAPSYEN: Dato' Mohamed Rafique Merican, Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic Berhad berucap ketika merasmikan Tapak Niaga Inspired Kitchen, Program Expanding Inspired Kitchen (PEIK)



Nur Amierull Ridzwan bin Noor Shah antara peserta Program “Expanding Inspired Kitchen” (PEIK)

